


## Kisah Kejayaan

### (1st Quarterly 2016)

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Name of PI1M</b> <b>Nama PI1M</b>	Pi1M Pekan Jelawat
<b>Location</b> <b>Lokasi</b>	<i>Region, state, district, sub-district, village</i> <i>Wilayah, negeri, daerah, mukim, kampung</i> <i>Pekan Jelawat, Bachok, Kelantan</i>
<b>Name of person(s)</b> <b>Nama</b>	<i>(may be individual or group)</i> <b>Individu</b> <b>Muhamad Saiful Irham Bin Saharuddin</b> <i>Pekan Jelawat, Jelawat, Bachok Kelantan.</i>
<b>Details of person (s)</b> <b>Butiran diri</b>	<i>Age, gender, education level, occupations</i> <i>Umur, jantina, taraf pendidikan, pekerjaan.</i> <i>24 tahun, Lelaki, Sijil, Pusat Pengajian Pondok (Yayasan Islam Kelantan), Telong Kandis, Bachok</i> <i>Pengusaha kuih tradisional Kelantan (Akok dan Beko)</i>
<b>Success story</b> <b>Kisah kejayaan</b>	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i> <i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p><i>Sebagai pengusaha kuih tradisional saya kena lebih kreatif dalam memasarkan produk saya. Sememangnya pengiklanan atas talian (online) sangat penting kepada saya dalam memperluaskan lagi pasaran. Pada hari ini, permintaan terhadap kuih tradisional masih lagi tinggi, malah semakin bertambah saban hari. Oleh hal demikian, Saya mengambil pendekatan dengan menggunakan medium internet sebagai pilihan utama dalam mempromosikan produk saya. Ternyata hasil dari promosi yang dijalankan ianya telah mendapat sambutan yang luar biasa dari masyarakat setempat dan juga diluar kawasan. Hasil jualan saya telah meningkat lebih dari kebiasaannya.</i></p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i></p>



ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p><i>Penubuhan Pusat Internet 1Malaysia sangat membantu dalam sistem penjualan kuih tradisional yang diusahakan saya (En. Saiful). Internet telah mengubah secara keseluruhannya dalam sistem jualan saya. Melalui kelas serta asas keusahawanan yang dianjurkan, saya dapat mengembangkan lagi kemahiran saya dalam berniaga secara 'online' serta mempelbagaikan lagi corak pemasaran produk saya. Selain itu, mutu perkhidmatan jualan juga telah ditambah baik dengan mewujudkan sistem penghantaran rumah ke rumah selain berada di premis sahaja. Dengan adanya kemudahan sebegini, ianya sangat membantu saya dalam memasarkan produk serta sangat membantu dalam peningkatan hasil jualan berbanding dengan sebelum ini.</i></p>
<p><b>Keterangan gambar</b> <b>Photo caption</b></p>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i> <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>  <p><i>En. Saiful begitu tekun dalam memastikan mutu kuih yang di bakar dalam ketuhar agar masak sepenuhnya sebelum dipasarkan kepada pembeli.</i></p>

ITEM  
JENISINFORMATION  
MAKLUMAT

*En. Saiful sekali lagi memeriksa kuih yang telah dimasak selain menyusun serta mengira jumlah kuih yang dihasilkan oleh beliau sendiri.*



*En. Saiful sedang menyusun kuih mengikut jenis iaitu kuih Akok dan kuih Beko.*

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p data-bbox="649 804 1372 972"><i>Selain berada di premis, En. Saiful juga kerap ke Pusat Internet 1Malaysia Pekan Jelawat untuk mempromosi dan mencari pasaran baru bagi produk beliau. Internet (online) merupakan salah satu medium pengiklanan terpenting untuk produk beliau.</i></p>  <p data-bbox="649 1547 1388 1648"><i>Aplikasi Facebook merupakan salah satu alat yang digunakan oleh beliau dalam mempromosi dan memperkenalkan produknya kepada masyarakat hari ini.</i></p>
<p data-bbox="224 1686 410 1745"><b>Feedback Maklumbalas</b></p>	<p data-bbox="649 1686 1328 1745">1. <i>What was your first impression towards PI1M? Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p data-bbox="695 1780 1377 1873"><i>Pada awalnya En. Saiful mengandaikan Pusat Internet 1Malaysia ini lebih kepada pusat pembelajaran ict kepada pelajar sekolah dan kanak-</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>kanak sahaja, namun ianya ternyata meleset. Pelbagai kemudahan terdapat PI1M dan semuanya di hujung jari memudahkan kerja harian kepada semua lapisan usia terutamanya kepada usahawan seperti.</i></p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i>  <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p><i>Tarikan utama saya ke Pusat Internet kerana terdapat pelbagai kemudahan terutamanya internet. Selain itu, saya juga berpeluang untuk menyertai kelas dan bengkel keusahawanan secara percuma atau caj yang mampu dibayar.</i></p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i>  <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p><i>PI1M sangat membantu kerana banyak kemudahan yang disediakan di PI1M terutamanya internet. Kadar caj penggunaannya juga antara yang termurah yang pernah saya temui. Secara tidak langsung PI1M akan menjadi pusat tumpuan terutamanya kepada semua lapisan umur. Selain itu, PI1M juga sebagai tempat berhimpun dalam mengakses kemudahan capaian internet kepada penduduk setempat.</i></p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i>  <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (Kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.)</i></p> <p><i>Peranan media massa sangat penting dalam usaha mempromosi dan memperkenalkan PI1M kepada masyarakat hari ini. Hal ini kerana melalui pemerhatian saya, masih ramai lagi yang tidak mengetahui dan faham akan fungsi sebenar penubuhan Pusat Internet 1Malaysia ini.</i></p>